

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 24 OGOS 2020**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah negara yang telah mengiktiraf Kerajaan Perikatan Nasional dan senaraikan nama negara-negara berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Labis atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Isu pengiktirafan Kerajaan Perikatan Nasional sepatutnya tidak menjadi satu persoalan baik di dalam atau di luar dewan ini.

3. Walau bagaimana pun, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Labis, dengan ringkas, jelas dan mudah, saya ini memaklumkan bahawa tidak ada satu negara pun yang menyatakan bahawa mereka tidak mengiktiraf Kerajaan yang ada pada masa ini.

Sekian, terima kasih.